

Warta **102** Konvo

Edisi 8 September 2025

**GRADUAN UiTM PENGGERAK
PEMBANGUNAN NEGARA**

**GRADUAN UiTM MAMPU
BERPERANAN SEBAGAI AGEN
PERUBAHAN UMMAH**

**DOKTOR HOLISTIK,
AMANAH BESAR BUAT NEGARA**



PERUBATAN: ANTARA MINAT DAN TANGGUNGJAWAB



oleh : Aidil Adha Abdullah

Sebut sahaja bidang perubatan atau kerjaya sebagai seorang doktor, mungkin ramai yang membayangkan ia satu kerjaya yang “bergaya” dan bergaji besar.

Namun ia hanyalah persepsi sedangkan hakikatnya, kerjaya doktor perubatan merupakan kerjaya yang mencabar dan menuntut kesabaran yang tinggi tetapi bagi Ummu Aqilah Mohd Nordin, ia bukan alasan untuk berputus asa.

Ummu Aqilah, graduan Fakulti Perubatan UiTM Sungai Buloh sedang menjalani housemanship di Hospital Putrajaya di mana minat beliau untuk bergelar doktor bermula sejak kecil, dengan dorongan utama daripada ibu bapanya yang sentiasa menyokong pilihannya dari segi akademik dan kerjayanya.

Sepanjang pengajian, Aqilah pernah mengikuti posting tiga minggu di Korea University College of Medicine pada tahun 2022.

Beliau berjaya meraih tempat pertama dalam seminar forensik dengan pembentangan bertajuk Death in Crowd yang membincangkan tragedi Itaewon Crowd Crush, sekali gus memberi pengalaman antarabangsa yang bermakna.

Dalam menghadapi cabaran, beliau pernah mengalami kemalangan

sehingga patah rusuk ketika menjalani posting, walaupun diberikan cuti sakit enam minggu, beliau tetap memilih untuk menghadiri sesi klinikal bagi mengelakkan implikasi kegagalan yang besar.

Keazaman itu akhirnya membolehkan beliau menamatkan tahun keempat tanpa perlu mengulang.

Tambah Aqilah lagi, sekalipun ada ketika negara mengalami kekurangan tenaga kerja mahir dalam bidang perubatan disebabkan pelbagai situasi, namun ia tetap membakar semangat beliau untuk berkhidmat kepada masyarakat.

“Kesihatan rakyat adalah asas kemajuan negara dan pastinya bidang kesihatan akan terus menjadi keutamaan, begitu juga dengan kebajikan doktor dan jururawat akan terus dijaga,” luahnya.

Bagi Aqilah, motivasi kerohanian menjadi pendorong utama untuk terus bertahan dalam bidang perubatan.

Firman Allah SWT, “Sesiapa yang menyelamatkan satu nyawa manusia, seolah-olah dia telah menyelamatkan seluruh umat manusia”, menjadi prinsip pegangan dalam kerjayanya.

Ketika ditanya mengenai perancangan masa depan, beliau ingin menamatkan housemanship dengan baik sebelum mempertimbangkan minat awalnya dalam bidang neurosurgery.



Ummu Aqilah Mohd Nordin



**SIDANG REDAKSI
JAWATANKUASA WARTA KONVO 102**

*Hak cipta terpelihara. Diterbitkan oleh
Pejabat Komunikasi Strategik, UiTM
Dan Fakulti Komunikasi Dan Pengajian
Media UiTM*

Penasihat
Prof. Dr Ismie Roha Mohamed Jais,
Penolong Naib Canselor Komunikasi Strategik

Penasihat Editorial
En Abuzar Abdul Halim,
Ketua unit Perhubungan Awam dan Media

Ketua Editor
En Ahmad Faisal Mohamed Fiah,
Timbalan Dekan (HEP) Fakulti Komunikasi
dan Pengajian Media

Ketua Wartawan
Zaidatul Insyirah binti Suhaini

Wartawan
Aidil Adha bin Abdullah
Amni Harith bin Badrul Hisyam

Pereka Grafik
Muhammad Sahil bin Sulaiman
Ezureen Natasya binti Kahar Jaafar

Fotografi
Pejabat Komunikasi Strategik

Unit Perhubungan Awam dan Media
Pejabat Komunikasi Strategik